# PARLIMEN MALAYSIA



**RANG UNDANG-UNDANG**

**Rang Undang- undang Kawalan Timah (Pindaan 1984)**

**DR.04/1984**

D. R. No. 4 84

**Naskhah Sahih—Bahasa Inggeris**

# RANG UNDANG-UNDANG

*bernama*

Suatu Akta untuk meminda Ordinan Kawalan Timah 1954.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

**1.** Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kawalan Timah (Pindaan) 1984. Tajuk ringkas.

**2.** Akta Kawalan Timah 1954, yang dalam Akta ini disebut "Ordinan", adalah dipinda dengan memasukkan dalam tajuk panjang perkataan "movement," selepas perkataan "purchase," dan perkataan ", and" selepas perkataan "concentrates". Pindaan tajuk panjang. *Ord. 41/54.*

**3.** Seksyen 3 Ordinan adalah dipinda— Pindaan seksyen 3.

(*a*) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen (1) yang berikut:

"(1) The Minister charged with responsibility for mining may from time to time make regulations for the purpose of providing for the control and regulation of the production, possession, sale, purchase, movement, delivery and export of tin and tin concentrates, and for the purpose of implementing the Agreement, and for all matters incidental thereto.";

dan

(*b*) dengan memasukkan selepas perenggan (*a*) subseksyen (2), perenggan (*aa*) yang berikut:

"(*aa*) notwithstanding any provision to the contrary in or under the Criminal Procedure Code, the Evidence Act 1950 or any other written law, provide for powers of search, seizure, arrest, erecting barriers in public places, investigation, and examination of persons (including the taking of statements and the calling for information from such persons), and further provide for the custody, forfeiture or release of anything seized under such regulations, the making of presumptions, the admissibility of facts and documents in court proceedings, and matters relating to informers;".

*F.M.S. Cap. 6.*
*Act 56.*

Pindaan seksyen 4.

**4.** Ordinan adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "Chief Inspector of Mines" dalam seksyen 4 dengan perkataan-perkataan "Director General of Customs and Excise".

---

HURAIAN

Adalah didapati bahawa peruntukan-peruntukan Ordinan Kawalan Timah 1954 yang sedia ada adalah terbatas bidangnya dan tidak mencukupi untuk membuat peraturan-peraturan yang berkesan bagi mengawal pengelakan duti yang berleluasa ke atas timah dan bijih padat timah dan juga bagi melaksanakan langkah-langkah yang diambil melalui Perjanjian Timah Antarabangsa. Oleh itu, Rang Undang-Undang ini bertujuan membetulkan keadaan itu.

2. *Fasal 2* bertujuan meminda tajuk panjang Ordinan untuk meluaskan bidang Ordinan itu.

3. *Fasal 3* bertujuan meminda seksyen 3 Ordinan untuk memberi kepada Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab melombong kuasa untuk membuat peraturan-peraturan yang memberi kepada pegawai-pegawai penguatkuasa kuasa untuk menggeledah, mensita, menangkap, membuat sekatan di tempat-tempat awam, menyiasat dan memeriksa orang, dan selanjutnya

mengadakan peruntukan bagi penyimpanan, pelucuthakan atau pelepasan akan apa-apa barang yang disita di bawah peraturan-peraturan itu, membuat anggapan, kebolehterimaan fakta-fakta dan dokumen-dokumen dalam prosiding mahkamah, dan perkara-perkara yang berhubungan dengan informer.

4. *Fasal 4* mengadakan suatu pindaan kepada seksyen 4 Ordinan di mana Ketua Pengarah Kastam dan Eksais, dan bukannya Ketua Merinyu Galian, yang boleh memerintahkan pemberian hadiah-hadiah.

*IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang mana amaunnya tidak dapat ditentukan sekarang. [PN. (U²) 1066.]